

18/10/2003

MBM edar 5 juta poskad untuk dikirim kepada PM

SHAH ALAM: Majlis Belia Malaysia (MBM) akan mengedarkan lima juta poskad ke seluruh negara untuk dikirim kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai ucapan terima kasih.

Kempen mengirim poskad `Terima Kasih PM!' itu akan dimulakan 29 Oktober hingga 30 November dengan kerjasama Pos Malaysia Bhd sebagai menghargai sumbangan Dr Mahathir sepanjang 22 tahun kepimpinannya.

Presidennya, Dr Mohamad Khir Toyo, berkata poskad itu akan diedarkan melalui ahli persatuan gabungan, MBM negeri, sekolah, institusi pengajian tinggi dan kompleks beli-belah.

Beliau berkata, pemilihan tarikh pengedaran poskad iaitu pada 29 Oktober adalah disebabkan hari berkenaan adalah sehari sebelum Dr Mahathir bersara pada 30 Oktober.

"Gambar pada setiap poskad akan tertera gambar kereta nasional, Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) dan Putrajaya yang menjadi simbol idea Dr Mahathir, selain gambar wajah beliau sendiri.

"Dalam poskad itu, kita mahu semua belia menulis sendiri ucapan penghargaan kepada Dr Mahathir supaya mereka insaf kemajuan yang dinikmati hari ini adalah hasil idea Perdana Menteri kita.

"Apatah lagi, ramai belia hari ini tidak menyedari ketokohan Dr Mahathirlah yang membawa Malaysia sebagai negara yang pesat membangun," katanya pada sidang akhbar selepas majlis Penghargaan Sukarelawan MBM di sini, petang semalam.

Pada program itu, beliau turut menyampaikan Anugerah Pahlawan Belia Malaysia kepada Siti Aisyah Ismail, 13, dari Majlis Gabungan Belia Melaka (MBGM).

Pemilihannya berdasarkan kejayaan pelajar tingkatan satu Sekolah Menengah Kebangsaan Teluk Mas itu berkayak sejauh 92 kilometer antara Melaka dan Dumai, Indonesia dari 28 hingga 31 Ogos lalu.